


TAKAFULINK DANA EKUITI

HELAIAN FAKTA DANA UTAMA 2023



TAKAFUL & KAMI

Takaful secara harfiah bermaksud tanggungjawab, keterjaminan, jaminan kolektif dan usahasama. Secara umum, takaful adalah berasaskan aturan kerjasama (Ta'awun) berdasarkan prinsip-prinsip kesepakatan dan solidariti, merangkumi unsur-unsur perlindungan dan kepentingan bersama. Takaful ditakrifkan di bawah Seksyen 2 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, iaitu perkiraan berasaskan pertolongan secara kolektif yang di bawahnya peserta takaful bersetuju menyumbang kepada suatu kumpulan wang yang sama bagi menyediakan manfaat kewangan bersama untuk dibayar kepada peserta takaful itu atau kepada benefisiarinya pada masa berlaku sesuatu kejadian yang telah dipersetujui terdahulu.

Bergantung pada model takaful yang diluluskan, caruman peserta akan disalurkan ke dana berasingan untuk pelaburan. Dana-dana* kami hanya dilaburkan di dalam pelaburan patuh Syariah, dalam dan luar negara. Setiap pelaburan dibuat selepas mengambil kira risiko dan pulangan yang terlibat.

Di Prudential BSN Takaful Berhad (PruBSN), kami mendukung nilai-nilai ini melalui amalan profesional bagi menyediakan segala keperluan peserta. Nilai-nilai ini amat jelas dalam setiap transaksi sekaligus menjadikan kami sebagai pilihan berhemat.

Melalui rangkaian agensi dan rakan niaga, kami menyediakan pelbagai produk inovatif yang melindungi setiap aspek kehidupan anda. Daripada perlindungan ke simpanan dan keperluan kerohanian, setiap produk kami dicipta untuk memberikan ketenangan minda anda.

** Dana-dana Takafulink adalah instrumen pelaburan patuh Syariah.*

TAKAFULINK DANA EKUITI

Ciri-ciri Dana	
Objektif Pelaburan	Takafulink Dana Ekuiti (Dana) bertujuan untuk memaksimumkan pulangan jangka sederhana ke panjang dengan melabur dalam sekuriti-sekuriti patuh Syariah terpilih yang disenaraikan di Bursa Malaysia.
Strategi & Pendekatan Pelaburan	<p>Dana bertujuan untuk mencapai objektifnya dengan melabur dalam portfolio sekuriti patuh Syariah (ekuiti patuh Syariah dan sekuriti berkaitan ekuiti patuh Syariah) dengan potensi pertumbuhan yang baik.</p> <p>Bagi mengenal pasti syarikat-syarikat sedemikian, Pengurus Dana akan menggunakan pendekatan pelaburan yang berasaskan penyelidikan dan penilaian yang sistematik di mana kualiti pengurusan, kekuatan model perniagaan, dinamik industri, pemacu keuntungan dan kemampunan pendapatan dinilai untuk mengenal pasti saham patuh Syariah yang di bawah nilai oleh pasaran dan mengeksploitasi peluang tersebut.</p> <p>Dana ini diuruskan secara aktif. Walau bagaimanapun, kekerapan aktiviti perdagangannya bergantung kepada peluang pasaran dan penilaian Pengurus Dana.</p>
Peruntukan Aset	<ul style="list-style-type: none">• Sehingga 100% Nilai Aset Bersih (NAV) Dana dalam ekuiti Malaysia patuh Syariah; dan• Baki NAV Dana yang tidak dilaburkan dalam ekuiti patuh Syariah akan dilaburkan dalam instrumen pasaran wang Islam.
Tanda Aras Prestasi	<p>Indeks Syariah EMAS FTSE Bursa Malaysia (FBMS)</p> <p><i>Maklumat lanjut mengenai FBMS boleh didapati daripada laman web Bursa Malaysia, https://www.bursamalaysia.com/.</i></p>
Pengurus Dana	Eastspring Al-Wara' Investments Berhad (200901017585 (860682-K))

Yuran & Caj	
Caj Wakalah Pengurusan Aset	1.50% setahun
Caj-caj Lain	<p>Termasuk:</p> <ul style="list-style-type: none">• Yuran audit• Caj lain yang dibenarkan

TAKAFULINK DANA EKUITI

Prestasi Dana

Tahun	Prestasi Sebenar	Tanda Aras^^
2023	(0.13%)	0.47%
2022	(6.96%)	(10.81%)
2021	(1.38%)	(6.81)
2020	13.60%	10.13%
2019	4.57%	3.85%
2018	(9.42%)	(13.52%)
2017	10.77%	10.72%
2016	(3.88%)	(6.14%)
2015	5.11%	2.35%
2014	1.23%	(4.17%)

^^ FBMS (tertakluk pada asas Harga Pulangan)

Asas pengiraan prestasi sebelumnya:

$$= \frac{\text{NAV}^* \text{ untuk tahun } n}{\text{NAV}^* \text{ untuk tahun } n-1} \% - 100\%$$

* NAV di sini merujuk pada Nilai Aset Bersih Dana.

Nota Penting: Prestasi lampau Dana bukan satu petunjuk untuk prestasi masa hadapan. Ini adalah prestasi untuk dana pelaburan semata-mata, bukan pulangan yang diperolehi daripada sumbangan sebenar yang dibayar untuk produk takaful berkaitan pelaburan.

Harga Hadapan

Unit diwujudkan dan dibatalkan pada tarikh penentuan harga berikutnya selepas penerimaan sumbangan atau pemberitahuan tuntutan.

Faktor Risiko & Strategi Pengurusan Risiko

Sila rujuk Lampiran 1 untuk Faktor Risiko dan Strategi Pengurusan Risiko yang terperinci.

TAKAFULINK DANA EKUITI

Maklumat Lain	
Pasaran Sasaran	Peserta yang mempunyai toleransi risiko yang tinggi dan jangka masa pelaburan yang sederhana hingga panjang.
Asas & Kekerapan Penilaian Unit	<ul style="list-style-type: none">• Penentuan harga unit dilakukan setiap hari.• Harga unit dikira berdasarkan pada nilai pasaran aset-aset sandaran Dana, perbelanjaan bersih dan dibahagikan mengikut bilangan unit yang dikeluarkan.• Nilai Dana ialah nilai semua aset dana Takafulink tertentu selepas ditolak perbelanjaan untuk mengurus, memperoleh, menyelenggara dan menilai aset dana tersebut, cukai (jika ada) atau levi berkanun lain yang ditanggung oleh Syarikat ke atas pendapatan pelaburan atau keuntungan modal ke atas aset Dana dan sebarang pendapatan terakru atau jangkaan.• Dana tidak membayar sebarang dividen. Semua pendapatan dan keuntungan modal secara automatik dilabur semula dalam harga unitnya.• Harga unit ialah harga tunggal di mana unit diwujudkan dan dibatalkan.• Tarikh penilaian ialah tarikh seperti yang ditentukan oleh PruBSN dari semasa ke semasa, tetapi tidak kurang kerap daripada sekali sehari, untuk tujuan menentukan harga unit.• Untuk mendapatkan semula kos pemerolehan dan pelupusan aset, pelarasan kos urus niaga mungkin akan dibuat kepada Nilai Dana bagi mendapatkan semula sebarang amaun yang telah dibayar atau dijangka akan dibayar oleh Dana untuk penciptaan atau pembatalan unit-unit.
Keadaan Pengecualian	<p>PruBSN boleh menggantung harga unit dan menangguhkan pengeluaran atau penebusan unit, mahupun beralih kepada mana-mana dana, di bawah Dana ini untuk tempoh yang munasabah, misalnya intervensi yang mengakibatkan penutupan sementara mana-mana bursa saham atau penggantungan saham tertentu di mana Dana dilaburkan. Dalam keadaan sedemikian, notis untuk penggantungan mungkin dikeluarkan dan mungkin dimaklumkan kepada Peserta bagi permintaan untuk penambahan, pertukaran, penebusan atau pengeluaran kepada/dari mana-mana dana Takafulink tersebut.</p> <p><i>Senarai keadaan pengecualian di atas adalah tidak lengkap, sila rujuk dokumen sijil anda untuk butiran lanjut.</i></p>

Penafian:

Helaian fakta dana utama ini disediakan oleh Prudential BSN Takaful Berhad ("PruBSN") untuk maklumat am dan tujuan ilustrasi sahaja dan tidak sepatutnya dijadikan asas untuk membuat keputusan pelaburan, kewangan atau keputusan-keputusan lain. Walaupun bahan-bahan yang digunakan dalam penyediaan profil dana ini diperolehi daripada sumber-sumber yang boleh dipercayai, PruBSN tidak menjamin ketepatan dan kesempurnaan maklumat. Sebarang analisis dan pendapat yang dinyatakan adalah tertakluk kepada perubahan tanpa notis. Prestasi masa lalu tidak menjamin keputusan masa hadapan. Para pembaca dinasihatkan untuk menghubungi PruBSN atau ejen-ejennya untuk butiran lanjut dan penjelasan maklumat yang berkaitan dengan produk yang ditawarkan oleh kami. PruBSN dan mana-mana syarikatnya yang berkaitan menafikan sebarang liabiliti walau apa pun sifatnya, sekiranya para pembaca mengalami kerugian apabila mereka hanya bergantung kepada kandungan maklumat di dalam profil dana ini.

TAKAFUL

Untuk Semua. Untuk Kehidupan

Prudential BSN Takaful Berhad merupakan Pengendali Takaful yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Prudential BSN Takaful Berhad 200601020898 (740651-H)
Tingkat 13, Menara Prudential, Persiaran TRX Barat, 55188 Tun Razak Exchange, Kuala Lumpur.

Talian Khidmat Pelanggan: +603 2775 7188
E-mel: customer@prubsn.com.my

www.prubsn.com.my



*Semua maklumat dianggap sah pada tarikh penerbitan.
Terbitan Mac 2024.*